

**SOALAN NO : 462**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DR IZANI BIN HUSIN  
[PENGKALAN CHEPA]  
TARIKH :  
SOALAN : 462**

**YB Dr Izani bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan statistik penduduk Malaysia yang menghidap penyakit tiga serangkai iaitu jantung, diabetes dan darah tinggi bagi tempoh 2013 sehingga 2016.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pemantauan statistik bagi Penyakit Tidak Berjangkit seperti diabetes dan darah tinggi di negara ini dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (National Health and Morbidity Survey) yang dijalankan secara berkala setiap empat (4) tahun. Tinjauan ini melibatkan sampel penduduk seluruh Malaysia dan dijalankan melalui pengumpulan data dari rumah ke rumah.

Berdasarkan tinjauan yang terkini pada tahun 2015, bagi penduduk 18 tahun ke atas, prevalen penyakit diabetes adalah 17.5% dengan anggaran penduduk yang terlibat seramai 3.5 juta orang. Prevalen ini telah meningkat sebanyak 2.3% berbanding tinjauan yang dijalankan pada tahun 2011 iaitu 15.2% dengan anggaran penduduk terlibat seramai lebih kurang 2.6 juta orang.

Bagi penyakit darah tinggi, berdasarkan tinjauan pada tahun 2015, bagi penduduk 18 tahun ke atas, prevalen penyakit darah tinggi adalah 30.3% dengan anggaran penduduk yang terlibat seramai 6.1 juta orang. Pada tahun 2011 melalui tinjauan yang dijalankan, prevalen penyakit darah tinggi adalah 32.7% dengan anggaran penduduk terlibat seramai lebih kurang 5.8 juta orang.

Maklumat bagi penyakit jantung tidak dapat dimasukkan dalam skop tinjauan populasi ini memandangkan kaedah diagnosis penyakit tersebut adalah lebih sukar dan tidak praktikal untuk dijalankan melalui pengumpulan data dari rumah ke rumah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**SOALAN : 463**

**Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan punca-punca pertambahan kadar  
kemalangan jalan raya pada 2016 dan menerusi Ops Selamat 11.**

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh MIROS, didapati bahawa penyumbang utama kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada sikap/kecuaian manusia dan hasil dapatan daripada Op Selamat 11 yang telah dijalankan oleh PDRM juga mendapati bahawa faktor terbabas sendiri dilihat sebagai punca utama kemalangan maut yang mana pada Op Selamat kali ini mencatat sebanyak 65 kes. Faktor-faktor lain yang menjadi penyumbang utama kemalangan maut ialah masuk laluan bertentangan, cuba memotong kenderaan/ tukar lorong secara melulu, tidak perasan ada kenderaan lain, cuai keluar dan masuk simpang jalan, mengekor terlalu rapat, membuat pusingan "U" secara melulu, melawan aliran trafik serta lain-lain.